

Kedaulatan Raja-raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan

Abstrak

Kedaulatan pada paras umum adalah penguasa agung yang memiliki hak mutlak untuk menetapkan undang-undang dan sistem politik. Penguasa agung boleh mendelegat hak penggubalan undang-undang kepada pihak lain tanpa memperejudiskan posisi agungnya. Kedaulatan dalam Perlembagaan Persekutuan termaktub dalam Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu kedaulatan Raja-raja Melayu. Analisis dibuat secara mendalam dari sudut sejarah undang-undang untuk menjelaskan kedaulatan yang dimiliki oleh raja-raja pada 1 Disember 1941 seperti terkandung dalam setiap Perjanjian Negeri 1948. Takrifan kedaulatan seperti pada 1 Disember 1941 adalah mustahak kerana ia mentafsirkan kedaulatan pada sisi Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan. Kepentingan Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan amat terserlah kerana peruntukan itu menjelaskan konsep sebenar kedaulatan negara Malaysia. Dari sisi undang-undang sama ada sivil atau Islam, kedaulatan itu menentukan keabsahan prinsip-prinsip perlembagaan dan perundangan sesebuah kerajaan atau negara kerana di situlah letaknya kedaulatan undang-undang dan keluhuran perlembagaan.